



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi

Centre for Research and Instrumentation Management

Rujukan : UKM3.2.8/244/4/11


Tarikh : 9 Januari 2014

Dekan/Pengarah

- Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
- Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
- Fakulti Pengajian Islam
- Fakulti Pendidikan
- Fakulti Undang-Undang
- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
- Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
- Fakulti Perubatan
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Sains Kesihatan
- Fakulti Farmasi
- Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
- UKM-Graduate School of Business (UKM-GSB)
- Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
- Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
- Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)
- Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN)
- Institut Perubatan Molekul (UMBI)
- Institut Perubahan Iklim (IPI)
- Institut Biologi Sistem (INBIOSIS)
- Institut Sel Fuel (SELFUEL)
- Institut Islam Hadhari (HADHARI)
- Institut Kajian Etnik (KITA)
- Institut Informatik Visual (IVI)
- Institut Telinga, pendengaran & Pertuturan (HEARS)
- Pusat Citra Universiti (CITRA)
- Pusat PERMATApintar Negara
- Pusat Pemerkasaan Remaja (PERKASA)
- UKM-Pusat Pembangunan Keusahawanan & EKS (UKM-CESMED)
- Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim (PKW)

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr.,

**PELAWAAN PERMOHONAN DANA PROGRAM FLAGSHIP
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (KSTI)**



MS ISO 9001: 2008 Reg No. : AR 5779

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) menawarkan Dana Program Flagship iaitu program skim geran khas untuk membiayai penyelidikan dalam bidang yang dikenal pasti memberi kesan kepada pembangunan sains, teknologi dan inovasi (STI) dan sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. Program Flagship adalah satu pendekatan atas ke bawah (Top-Down) dan Majlis Sains dan Penyelidikan Negara (MSPN) menetapkan bidang keutamaan penyelidikan dan nic tertentu yang perlu dilaksanakan untuk kemampunan inisiatif kerajaan semasa.

3. Permohonan Dana ini dibuka sepanjang tahun. Kertas cadangan yang dikemukakan hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan berdasarkan Garis Panduan Program Flagship. Bersama-sama ini disampaikan Garis Panduan dan Borang Permohonan sebagai rujukan. Garis Panduan ini juga boleh dimuat turun di laman sesawang <http://www.mosti.gov.my/dana-geran/program-flagship>. Pemohon diminta untuk mengambil perhatian terhadap perkara-perkara berikut:

- i. Projek mestilah multi-disiplin merentasi bidang sains dan teknologi, dan sosial sains;
- ii. Penyelidikan mestilah melibatkan sekurang-kurangnya tiga (3) Institusi termasuk Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Institusi Penyelidikan dan Industri;
- iii. Tempoh penyelidikan tidak melebihi 36 bulan; dan
- iv. Jumlah keseluruhan siling pembiayaan adalah RM4 juta.

4. Semua permohonan hendaklah dihantar **tiga (3) salinan *hardcopy* dan 6 *softcopy* (dalam bentuk CD) melalui Fakulti/Institut/Pusat (F/I/P) ke CRIM**. Permohonan yang **tidak melalui Fakulti/Institut/Pusat** tidak akan diterima. Kerjasama Y.Bhg. Dato'/Prof./Dr. adalah sangat dihargai untuk mengemukakan permohonan dengan merujuk jadual kerja seperti di **Lampiran 1**.

5. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr. adalah dipohon untuk memaklumkan perkara ini kepada semua penyelidik di bawah pengurusan YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini sila hubungi pegawai CRIM, Puan Syafura Abdul Halim di talian 03-89214679 atau Puan Nurul Asmizah Mat Saat di talian 03-89214392. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr. dalam hal ini adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,


PROF. DR. MUHAMMAD FAUZI BIN MOHD ZAIN
Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi

s.k. YBhg. Prof. Dato' Dr. Mazlin Mokhtar
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)

/berlampir